

ZYNATEN SYRUP

Ketotifen Fumarate (1mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZYNATEN SYRUP
2. Bagaimana ZYNATEN SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan ZYNATEN SYRUP
4. Cara menggunakan ZYNATEN SYRUP
5. Semasa menggunakan ZYNATEN SYRUP
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZYNATEN SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ZYNATEN SYRUP

ZYNATEN SYRUP digunakan untuk rawatan pencegahan penyakit asma dan untuk rawatan alahan seperti *rhinitis* dan *conjunctivitis*.

Bagaimana ZYNATEN SYRUP berfungsi

Ketotifen mempunyai ciri-ciri antihistamin dan berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamin) yang dihasilkan oleh tubuh anda semasa reaksi alergi.

Sebelum menggunakan ZYNATEN SYRUP

- Bila tidak boleh menggunakan

Hipersensitiviti kepada ubat ini atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

Mengandung dan menyusukan anak
Walaupun tidak ada bukti kesan kecacatan lahir, ia sebaiknya diberikan kepada wanita hamil atau yang menyusukan anak hanya jika keadaan memaksa.

- Sebelum mula menggunakan ZYNATEN SYRUP

Sila beritahu doktor jika anda mempunyai jangkitan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Pengurangan kiraan platelet berbalik pernah diperhatikan pada individu yang menerima Ketotifen serentak dengan

ubat-ubat antidiabetik. Gabungan ini harus dielakkan.

Zynaten boleh menambah kesan ubat-ubatan sedatif, hipnotik dan antihistamin.

Cara menggunakan ZYNATEN SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 sudu teh (5 ml) dua kali sehari selepas makan, ditambah, jika perlu hingga 2 sudu teh (10 ml) dua kali sehari.

Kanak-kanak lebih dari 3 tahun: 1 sudu teh (5 ml) dua kali sehari.

Kanak-kanak dari 6 bulan hingga 3 tahun: $\frac{1}{2}$ sudu teh (2.5 ml) dua kali sehari.

Individu yang diketahui mudah mengantuk akibat pengambilan ubat perlu memulakan rawatan dengan $\frac{1}{2}$ hingga 1 sudu teh (2.5 ml hingga 5 ml) pada waktu malam untuk beberapa hari pertama.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Memandangkan tindakan Ketotifen adalah untuk pencegahan, gejala-gejala asma mungkin akan berulang jika rawatan dihentikan; pemberhentian perlu dilakukan secara beransur-ansur dalam tempoh seminggu. Dalam pencegahan asma, ia mungkin mengambil beberapa minggu rawatan untuk mencapai kesan sepenuhnya.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan mengantuk, kekeliruan, kesukaran bernafas, degupan jantung yang terlalu perlahan atau terlalu laju, hilang tuju hala dan konvulsi.

Semasa menggunakan ZYNATEN SYRUP

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ZYNATEN SYRUP.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum minuman beralkohol.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi ZYNATEN SYRUP kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Dalam beberapa hari pertama rawatan, reaksi anda mungkin terjejas. Jangan kendalikan kenderaan atau jentera sehingga kesan Zynaten dikenal pasti.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ZYNATEN SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami

sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Mengantuk, letih, berat badan bertambah dan mulut kering adalah kesan-kesan sampingan yang paling biasa. Lain-lain kesan sampingan yang kerap dilaporkan yang berkemungkinan berkaitan dengan Ketotifen adalah pening, loya dan sakit kepala, penyakit asma bertambah teruk, penyempitan salur pernafasan dan serangan asma yang bertalu-talu (*status asthmaticus*).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/ Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan ZYNATEN SYRUP

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
Pastikan bekas sentiasa ditutup
Simpan di tempat kering di bawah 25°C
Lindungi daripada cahaya
Goncang sebelum digunakan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap tidak berwarna berperisa ceri

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Ketotifen fumarate
- Bahan tidak aktif
Sirap, Liquid Glucose, Methyl paraben, Propyl paraben, Sodium benzoate, Xanthan Gum, Perisa Ceri, Deionised Water

- Nombor MAL

ZYNATEN SYRUP -
MAL19940359AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran
Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru
5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
07/07/2017

Nombor Siri
BPFK(R4/1)280617/00158